A

CHING FANG FUNG lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
ROSLAN MAT NOR H
[RAYUAN JENAYAH NO: CB-42H-5-02-2024]
31 DISEMBER 2024

B

Abstrak – *Hukuman untuk sabitan terhadap lebih daripada satu kesalahan perlu sejajar dengan prinsip undang-undang dan penghukuman. Hakim bicara mempunyai budi bicara untuk menentukan hukuman yang wajar dan setimpal dengan kesalahan dan kewajaran hukuman yang dijatuhkan berjalan sama ada secara serentak atau berturutan. Hukuman berasingan untuk kesalahan melebihi satu pertuduhan tidak wajar dikenakan melainkan terdapat alasan baik untuk berbuat demikian. Mahkamah perlu meneliti fakta, jenis kesalahan, kesan hukuman terhadap tertuduh, prinsip hukuman keseluruhan dan kepentingan awam, sebelum menentukan sama ada hukuman yang dijatuhkan harus berjalan secara serentak atau berturutan. Faktor-faktor ini, walaupun bukan tuntas, wajar dijadikan panduan sebelum hakim bicara menjatuhkan hukuman secara berturutan atau serentak.*

C

D

E

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Pemenjaraan – Hukuman pemenjaraan untuk dua kesalahan berlainan diperintahkan berjalan secara berturutan – Sama ada perintah pemenjaraan yang berjalan secara berturutan wajar – Sama ada jumlah pertuduhan lebih daripada satu secara automatik menyebabkan hukuman berjalan secara serentak – Faktor-faktor yang dipertimbangkan mahkamah – Sama ada usia perayu semasa dibebaskan menjadi faktor pertimbangan pengenaan hukuman secara serentak atau berturutan – Sama ada faktor usia mengatasi keselamatan awam*

F

G

Perayu berhadapan dua pertuduhan di Mahkamah Sesyen, masing-masing boleh dihukum bawah: (i) bawah s. 392 Kanun Keseksaan ('KK'); dan (ii) bawah s. 395 KK dibaca bersama-sama dengan s. 34 KK. Setelah berpuas hati dengan pengakuan bersalah tertuduh, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') mensabitkan dan menjatuhkan hukuman penjara lima tahun untuk pertuduhan pertama dan untuk pertuduhan kedua, penjara enam tahun selepas menjalani hukuman bawah s. 392 KK. Rayuan ini adalah berkaitan hukuman yang dijatuhkan HMS terhadap kesalahan bawah s. 395 KK. Antara hujahan perayu dalam rayuan ini, antara lain, adalah: (i) hukuman pemenjaraan secara berturutan yang diperintahkan HMS adalah sesuatu yang tidak wajar walaupun kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah kesalahan rompakan yang boleh dihukum pemenjaraan maksimum 20 tahun kerana

H

I

fakta kes menunjukkan perayu hanya melakukan rompakan secara individu dan berkumpulan terhadap mangsa yang berlainan dan tanpa menggunakan apa-apa senjata yang boleh membunuh atau mencederakan mangsa-mangsa yang terlibat; (ii) hukuman yang dikenakan adalah berlebihan dan boleh menghancurkan masa depan perayu; dan (iii) HMS tidak mengambil kira bahawa ini adalah kesalahan pertama perayu.

Diputuskan (menolak rayuan perayu):

(1) Seksyen 282 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') menyatakan bahawa hukuman penjara akan berkuat kuasa pada tarikh diputuskan mahkamah kecuali jika terdapat perintah mahkamah yang menyatakan sebaliknya. Jumlah pertuduhan lebih daripada satu tidak secara automatik menyebabkan hukuman perlu diberikan secara serentak. Sebaliknya, ini tertakluk pada budi bicara mahkamah, berasaskan prinsip-prinsip yang perlu dipertimbangkan sebelum pemutusan sama ada hukuman serentak atau berturutan dikenakan. Hukuman berasingan tidak wajar dikenakan kecuali jika terdapat alasan yang baik untuk berbuat demikian. (perenggan 16, 17, 22 & 23)

(2) Sebelum memutuskan sama ada hukuman perlu berjalan secara berturutan atau serentak terhadap perayu, HMS telah mempertimbangkan perkara-perkara berikut, antara lain: (i) hukuman secara umumnya bagi kesalahan yang melebihi daripada satu pertuduhan adalah wajar diberikan hukuman secara serentak kecuali terdapat alasan yang baik untuk memberikan hukuman secara berturutan; (ii) sama ada kesalahan tersebut dilakukan pada masa, tempat atau transaksi yang sama; (iii) sama ada terdapat hubungan kesalahan yang dipertuduhkan iaitu satu pertuduhan adalah subsidiari kepada pertuduhan lain; (iv) sama ada hukuman secara berturutan akan memberi kesan kemusnahan pada tertuduh disebabkan hukuman pemenjaraan yang terlalu panjang; (v) sama ada hukuman tersebut bercanggah dengan prinsip hukuman keseluruhan, iaitu, keseluruhan hukuman yang dikenakan secara berturutan adalah berlebih-lebihan; (vi) sama ada kesalahan-kesalahan yang dipertuduhkan tergolong dalam kesalahan serius yang menjejaskan kepentingan awam sekiranya hukuman secara serentak dilaksanakan; dan (vii) berdasarkan keadaan kes, sama ada adil dan munasabah untuk hukuman secara serentak atau berturutan diberikan oleh mahkamah. (perenggan 33)

(3) Perayu berumur 48 tahun ketika kejadian dan akan berumur 59 tahun semasa dibebaskan. Walau bagaimanapun, usia perayu apabila dibebaskan tidak sewajarnya menjadi pertimbangan untuk HMS menjatuhkan hukuman penjara secara serentak atau menghalang hukuman secara berturutan. Tidak dapat ditunjukkan bahawa usia

perayu semasa dibebaskan kelak akan memusnahkan kehidupan perayu sekiranya dibandingkan dengan kepentingan awam yang perlu dilindungi mahkamah semasa mengadili kes jenayah. (perenggan 29 & 32)

(4) Walaupun tiada rekod kesalahan lalu oleh perayu, kewujudan atau ketiadaan rekod kesalahan lalu tidak mempengaruhi pertimbangan HMS dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu. Pertimbangan sewajarnya telah diberi HMS berkenaan kepentingan awam untuk memastikan keselamatan orang awam terjamin di sisi undang-undang. Oleh itu, tiada alasan untuk mengganggu dapatan HMS berkenaan hukuman yang dijatuhkan terhadap perayu. (perenggan 44 & 45)

Kes-kes yang dirujuk:

Bachik Abdul Rahman v. PP [2004] 2 CLJ 572 CA ***(dirujuk)***
Castro v. R [1881-85] All ER Rep 429 ***(dirujuk)***
Cheng Kee Huat And Anor v. PP [1947] CLJU 9; [1947] 1 LNS 9 HC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Hyder v. Rex [1949] 15 MLJ 121 ***(dirujuk)***
Iwan Bujang Dara & Anor v. PP [2017] CLJU 285; [2017] 1 LNS 285 CA ***(dirujuk)***
Leken Gerik (M) v. PP [2007] 8 CLJ 158 HC ***(dirujuk)***
Mohd Ridwan Mohd Yusof v. PP [2014] CLJU 1940; [2014] 1 LNS 1940 CA ***(dirujuk)***
Ooi Sim Yim v. PP [1990] 1 CLJ 435; [1990] 1 CLJ (Rep) 223 SC ***(dirujuk)***
PP v. Azfaiz Jamil [2022] 9 CLJ 57 CA ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Lau Chin Huat [2011] 4 CLJ 554 HC ***(dirujuk)***
R v. Faulkner (1972) 56 Cr App R (S) 166 ***(dirujuk)***
Rex v. Wilkes (1770) 4 Burr 2577 ***(dirujuk)***
Sa Jamil Md Yusof v. PP [2002] 7 CLJ 132 HC ***(dirujuk)***
Shafruddin Selengka v. PP & Other Appeals [1994] 4 CLJ 762 HC ***(dirujuk)***
Tuan Mat Tuan Lonik v. PP [2009] 4 CLJ 638 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Arms Act 1960, s. 33
Criminal Procedure Code, ss. 282(d), 400
Firearms (Increased Penalties) Act 1971, s. 8
Penal Code, ss. 392, 395, 379
Subordinate Courts Act 1948, s. 102

Bagi pihak perayu - Muhammad Zul Hafiz Mohamed Sabri; T/n Kamisah Zul Afiq & Partners
Bagi pihak responden - Intan Nor Hilwani Mat Rifin; TPR

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Temerloh; Kes Jenayah No: CB-62RS -2-02-2024.]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Roslan Mat Nor H:

Pendahuluan

[1] Perayu telah dituduh dengan dua pertuduhan di hadapan Mahkamah Sesyen seperti berikut:

> Pertuduhan Pertama - Kes No. CB-62RS-1-02/2024
>
> Bahawa kamu pada 31.01.2024 jam 2.50 petang di hadapan rumah alamat No. 8, Jalan Bahagia Makmur 3, Taman Bahagia Makmur, di dalam Daerah Temerloh, di dalam Negeri Pahang, telah merompak beg dompet milik Rosyatina binti Wahab, No. K/P: 670110-06-5466, mengandungi kad pengenalan, kad ATM Maybank, lesen memandu Kelas D, wang tunai dengan nilai lebih kurang RM150 dan telefon bimbit jenis Samsung Galaxy A02S warna biru gelap, No. IMEI1: 352845145127728, IMEI2: 353051565127723, dengan tujuan pada melakukan kesalahan mencuri harta-harta tersebut, dengan sengaja cuba menyebabkan Rosyatina binti Wahab, ketakutan cedera serta-merta akan berlaku. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 392 Kanun Keseksaan.
>
> Pertuduhan Kedua - Kes No. CB-62RS-2-02/2024
>
> Bahawa kamu bersama-sama seorang lagi yang masih bebas, pada 31/01/2024 jam lebih kurang 1.19 tengah hari, bertempat di sebuah rumah di alamat No. 4, Jalan Bendera 12, Taman Bukit Bendera, Mentakab, di dalam Daerah Temerloh, di dalam Negeri Pahang Darul Makmur, telah melakukan rompakan berkumpulan terhadap Tay Tse Ping, No. K/P: 850926-06-5088, dengan merompak beg tangan milik Tay Tse Ping, No. K/P: 850926-06-5088, dan pada masa kamu membawa lari harta itu, dengan sengaja cuba menyebabkan Tay Tse Ping, No. K/P: 850926-06-5088, cedera atau ketakutan cedera serta-merta akan berlaku. Dengan itu, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 395 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.

[2] Hakim Mahkamah Sesyen setelah berpuas hati dengan pengakuan salah tertuduh mensabitkan dan menjatuhkan hukuman bagi pertuduhan pertama hukuman penjara selama lima tahun mulai 2 Februari 2024. Sementara bagi pertuduhan kedua, perayu telah dijatuhi hukuman penjara enam tahun selepas menjalani hukuman di bawah s. 392 Kanun Keseksaan. Rayuan ini adalah berkaitan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen terhadap kesalahan di bawah s. 395 Kanun Keseksaan sahaja.

Alasan Hakim Mahkamah Sesyen Berkenaan Dengan Hukuman

[3] Hakim Mahkamah Sesyen dalam alasan penghakimannya menyatakan bahawa asas kepada hukuman yang dijatuhkan kepada perayu adalah disebabkan kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah sesuatu yang serius.

Hakim Mahkamah Sesyen juga mengambil kira kepentingan awam. Di samping itu Hakim Mahkamah Sesyen juga telah mengambil faktor peringanan yang diutarakan oleh perayu semasa memohon hukuman ringan iaitu pengakuan salah perayu.

[4] Hakim Mahkamah Sesyen juga telah mengambil kira pengiktirafan kehakiman (judicial notice) bahawa terdapatnya kekerapan kes-kes yang melibatkan rompakan dan samun bersenjata. Hakim Mahkamah Sesyen juga mengambil perhatian kepada kesalahan tersebut dilakukan pada siang hari, di tempat awam dan di kawasan yang mempunyai rakaman CCTV. Hakim Mahkamah Sesyen berpendapat ini menunjukkan bahawa tertuduh adalah merupakan penjenayah yang merbahaya dan sanggup melakukan apa sahaja termasuklah mencederakan mangsa.

[5] Hakim Mahkamah Sesyen juga mengambil kira hukuman berat perlu dijatuhkan atas alasan tertuduh tidak menghormati undang-undang negara serta trauma yang dialami oleh mangsa semasa kejadian rompakan tersebut. Ini dapat dilihat mengikut Hakim Mahkamah Sesyen beg tangan mangsa telah diragut oleh tertuduh dan berlaku pergelutan di antara mereka. Ini lebih ketara lagi apabila kejadian tersebut berlaku di dalam kawasan rumah mangsa sendiri.

[6] Hakim Mahkamah Sesyen menyatakan di dalam kes ini, mahkamah telah memberikan hukuman berasingan atas pertimbangan seperti berikut:

> 46. Berdasarkan kepada nas-nas yang dibincangkan di atas, saya percaya hukuman penjara di dalam kes ini wajar diperintahkan berjalan secara berasingan, kerana kedua-dua kes adalah kes-kes yang berlainan, melibatkan pertuduhan dan mangsa-mangsa yang berlainan, walaupun berlaku pada tarikh yang sama.
>
> 47. Jumlah hukuman penjara sekiranya berjalan berasingan tidak melanggar prinsip totality principle yang digariskan di dalam nas-nas undang-undang di atas.

Hujahan Perayu

[7] Peguam perayu dalam hujahan bertulisnya menyatakan bahawa hukuman pemenjaraan berturutan yang diperintahkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam kes ini adalah sesuatu yang tidak wajar atas alasan walaupun kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah kesalahan rompakan yang boleh dihukum pemenjaraan maksimum 20 tahun, namun mahkamah sepatutnya melihat kepada fakta kes dan bagaimana kesalahan tersebut dilakukan di dalam kes ini. Mahkamah telah tidak meneliti secara sewajarnya perkara-perkara tersebut. Dalam kes ini, perayu hanya melakukan rompakan secara individu dan berkumpulan terhadap mangsa yang berlainan. Pada masa yang sama, ia juga dilakukan tanpa menggunakan sebarang senjata yang boleh membunuh atau mencederakan mangsa-mangsa yang terlibat.

[8] Perayu juga menyatakan bahawa hukuman yang dikenakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah berlebihan dan boleh menghancurkan masa depan perayu. Ini adalah disebabkan perayu pada masa kini adalah 49 tahun dan perlu menjalani hukuman penjara selama 11 tahun di mana dia dijangka keluar dari penjara pada usia 60 tahun. Faktor ini, pada hemat peguam perayu tidak dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh Hakim Mahkamah Sesyen semasa menjatuhkan hukuman.

[9] Seterusnya, perayu juga menyatakan bahawa mahkamah telah tidak mengambil kira bahawa dengan ketiadaan keterangan pihak pendakwaan ini adalah merupakan kesalahan pertama perayu. Dalam erti kata lain, perayu adalah pesalah pertama. Oleh itu, ia sepatutnya dipertimbangkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam menjatuhkan hukuman. Ini dihujahkan oleh perayu tidak dilakukan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

Hujahan Pendakwa Raya

[10] Pendakwa Raya berhujah bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah tidak menyalahi undang-undang dan tidak berlebih-lebihan. Ini adalah disebabkan kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah sesuatu yang serius. Hakim Mahkamah Sesyen telah menimbangkan kepentingan awam. Pendakwa Raya telah memetik kes *Iwan Bujang Dara & Anor v. PP* [2017] CLJU 285; [2017] 1 LNS 285; [2017] 3 MLJ 630. Malahan, Hakim Mahkamah Sesyen tidak terkhilaf apabila memberikan hukuman yang berat bagi kesalahan seperti ini. Pendakwa Raya menyokong hujahan dengan merujuk kepada *Mohd Ridwan Mohd Yusof v. PP* [2014] CLJU 1940; [2014] 1 LNS 1940.

[11] Sementara itu, berkenaan dengan hukuman berasingan yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen, menurut hujahan Pendakwa Raya tidak tercela kerana ia dijatuhkan berpandukan kepada prinsip undang-undang. Secara keseluruhannya, Pendakwa Raya berhujah bahawa tiada alasan untuk mahkamah ini untuk campur tangan dalam hukuman yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

Analisa Dan Dapatan

[12] Berdasarkan kepada hujahan pihak perayu dan Pendakwa Raya serta alasan penghakiman yang disediakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah terang lagi bersuluh bahawa isu yang berbangkit dalam kes ini ialah hukuman bagi pertuduhan tersebut adakah wajar dijatuhkan secara berasingan atau serentak dengan hukuman sebelum ini. Di samping itu juga, adakah hukuman yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah berlebih-lebihan dan tidak mengikut prinsip undang-undang.

[13] Adalah menjadi prinsip undang-undang mantap bahawa hakim bicara mempunyai budi bicara untuk menentukan hukuman yang wajar dan setimpal terhadap sesuatu kesalahan. Mahkamah yang mendengar rayuan tidak sewajarnya mengganggu hukuman hakim bicara semata-mata atas

alasan tidak bersetuju dengan hukuman tersebut. Sebaliknya mahkamah perlu meneliti sama ada hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen tersebut sejajar dengan prinsip undang-undang dan prinsip penghukuman.

[14] Hakim bicara semasa menimbangkan sesuatu hukuman adalah dikehendaki untuk meneliti fakta, keterangan, keseriusan kesalahan, faktor peringanan, faktor pemberatan, kepentingan awam dan kewajaran untuk hukuman penjara dijalankan secara serentak atau berasingan.

Bilakah Hukuman Pemenjaraan Berkuat Kuasa

[15] Seksyen 282 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) memperihalkan berkenaan dengan hukuman pemenjaraan khususnya bilakah berkuat kuasa sesuatu hukuman penjara dinyatakan di bawah s. 282(d) KTJ seperti berikut:

> 282 Provisions as to execution of sentences of imprisonment
>
> With regard to sentences of imprisonment the following provisions shall be followed:
>
> (a) ...
>
> (b) ...
>
> (c) ...
>
> (d) every sentence of imprisonment shall take effect from the date on which it was passed unless the Court passing the sentence otherwise directs.

[16] Ini bermakna sesuatu hukuman penjara akan berkuat kuasa pada tarikh diputuskan oleh mahkamah melainkan terdapat perintah mahkamah yang menyatakan sebaliknya. Perkara ini telah dinyatakan dalam kes *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215. Dalam kes tersebut, mahkamah Tinggi perlu menimbangkan sama ada hukuman pemenjaraan akan berkuat kuasa dari tarikh tertuduh ditahan reman atau berkuat kuasa pada hari keputusan diumumkan oleh mahkamah. Dalam hal ini, Mahkamah Tinggi telah menjelaskan berkenaan pemakaian s. 282(d) KTJ seperti berikut:

> I also considered the period the accused had been in remand from the date of his arrest. As he had been in remand for about seven months prior to being found guilty I had to determine whether it should be taken into account in assessing sentence. It will have a bearing on the commencement of the date of sentence.
>
> This is governed by s. 282(d) of the Criminal Procedure Code which reads as follows:
>
> > With regard to sentences of imprisonment the following provisions shall be followed:
> >
> > (a) 205
> >
> > (b) 205

(c) 205

(d) every sentence of imprisonment shall take effect from the date on which the same was passed unless the court passing such sentence otherwise directs.

The sub-section makes it clear that the normal rule is that a sentence takes effect from the date on which it is passed. A departure from this rule is permissible if the court so directs at its discretion. As it is a discretionary power an application to that effect must be made by the accused when he is making his plea in mitigation. Where a person has been in remand prior to his conviction such period may be taken into account in one of two ways in determining the sentence. The method chosen will play a decisive role in fixing the date of commencement of the sentence. It may be considered as a factor in assessing the sentence to be imposed in which event the sentence must commence from the date of conviction. If it is not so considered the sentence may be ordered to take effect from the date of arrest. In the case of the former the length of the sentence that would otherwise have been imposed would be reduced. In the case of the latter no such reduction would be ordered but the sentence would be back-dated so as to span the period of the remand.

In the case of the accused it must be observed that he has been in remand in respect of 10 charges, five of which relate to sodomy allegedly committed by him. Thus his remand is also in respect of offences other than the four charges for which I had found him guilty. ....

[17] Dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* (*supra*) adalah didapati bahawa tempoh tahanan reman tersebut telah diambil kira di dalam penentuan hukuman pemenjaraan bagi kes tersebut. Adalah didapati pendekatan yang digunakan dalam kes tersebut ialah tidak menjadikan hukuman pemenjaraan diberikan secara serentak. Sebaliknya, tempoh tahahan reman tersebut telah dijadikan salah satu faktor peringanan di dalam hukuman. Apa yang jelas ialah jumlah pertuduhan yang lebih daripada satu tidak secara automatik menyebabkan hukuman perlu diberikan secara serentak. Ini dinyatakan seperti berikut dalam kes tersebut:

Thus I took into account the period spent by the accused in remand, even in the absence of any application having been made to that effect, by reducing the length of sentence that would otherwise have been imposed. In the circumstances I convicted the accused and passed a sentence of six years' imprisonment in respect of each of the four charges. I ordered that the sentences are to run concurrently notwithstanding the fact that there was no reply from the defence to the prosecution submission for the sentences to be consecutive.

As I have taken account of the period the accused had spent in remand in assessing the sentence my order was that the sentence shall commence from the date of conviction.

[18] Keputusan tersebut telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457 seperti berikut:

> The learned judge gave his reasons, which we have adverted to above, in imposing a custodial sentence of six years from the date of conviction. He also gave his reasons for not backdating the sentence from the date of arrest. Clearly, the learned judge was exercising his discretionary power under s. 282(d) of the Criminal Procedure Code. The section reads as follows:
>
> > With regard to sentences of imprisonment the following provisions shall be allowed:
> >
> > (a) ...
> >
> > (b) ...
> >
> > (c) ...
> >
> > (d) Every sentence of imprisonment shall take effect from the date on which the same was passed unless the Court passing such sentence otherwise directs.
>
> It is of the upmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence. See: *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] CLJU 102; [1976] 1 LNS 102, [1976] 2 MLJ 257.
>
> We are in full agreement with the statement of principle enunciated above.
>
> After considering the reasons given by the learned judge, we are satisfied that the imposition of the sentence of six years' imprisonment to commence from the date of conviction has not occasioned an error of principle or law. Therefore, we see no reason to interfere with the exercise of discretion vested in him.

[19] Penggunaan budi bicara untuk hukuman dijalankan serentak atau berturutan telah dibincangkan di dalam kes *Rex v. Wilkes* (1770) 4 Burr 2577; 98 ER 327 seperti berikut:

> [2577] Upon the second record – "Whether a judgment of imprisonment against a defendant, to commence from and after the determination of an imprisonment to which he was before sentenced for another offence, is good in law." Whereupon, the Lord Chief Justice of the Court of Common Pleas, having conferred with the rest of the Judges present, delivered their unanimous opinion upon the said questions, with their reasons. To the first question. – That an information filed, is good in law. To the second. – That in such a case, it is not necessary. To the third. – That a judgment of imprisonment, is good in law. Then ordered and adjudged, that the judgments of the Court of King's Bench be affirmed.

[20] Prinsip di dalam kes *Rex v. Wilkes* (*supra*) telah dijelaskan dalam kes *Castro v. R* [1881-85] All ER Rep 429 melalui penghakiman Lord Selborne LC seperti berikut:

> It has, however, been settled in this House as long ago as 1769, in *R v. Wilkes* (4) that the proper course when more than one sentence had to be pronounced was that the second term of punishment should commence at the expiration of the first.

[21] Seterusnya, mahkamah menyatakan seperti berikut dalam kes tersebut:

> ... *R v. Wilkes (4)* in this House is a clear and distinct authority in favour of the proposition that when a man is found guilty of two distinct misdemeanours, being distinct and separate offences, and not the same (I apprehend that it makes no kind of difference whether it be by two indictments simultaneously tried and found against him, or upon two counts in one, and the same indictment) there, not only a competent, but the proper course independent of any statutory legislation, was and is to pronounce the second sentence of imprisonment, within the power of the court as to duration, to begin after the expiration of the first.

[22] Adalah tidak dapat dinafikan bahawa sama ada suatu hukuman pemenjaraan itu akan berkuat kuasa pada tarikh yang bukannya sama dengan tarikh keputusan adalah di dalam budi bicara hakim bicara. Namun demikian, terdapat prinsip-prinsip yang telah digariskan untuk dipertimbangkan oleh hakim bicara sebelum memutuskan sama ada hukuman akan dijalankan serentak atau berturutan.

[23] Penelitian kepada keputusan mahkamah terdahulu mendapati bahawa mahkamah menyatakan hukuman berasingan tidak wajar dikenakan melainkan terdapat alasan yang baik untuk berbuat demikian. Perkara ini telah dinyatakan dalam kes *Hyder v. Rex* [1949] 15 MLJ 121. Dalam kes tersebut, mahkamah daerah telah menjatuhkan hukuman enam bulan setiap satu pertuduhan. Ia diperintahkan secara berturutan. Gordon-Smith Ag CJ menyatakan seperti berikut:

> that sentences should not be ordered to run consecutively unless there were some good grounds for do doing.

[24] Begitu juga dalam kes *Cheng Kee Huat And Anor v. PP* [1947] CLJU 9; [1947] 1 LNS 9; [1948] 1 MLJ 53. Dalam kes tersebut, perayu kedua telah mengaku salah dan telah dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun atas kesalahan mengimport candu dan sembilan bulan kerana memiliki candu. Hakim Russell menyatakan seperti berikut:

> The second appellant pleaded guilty to both charges and appealed only as to sentence. The sentence of three years was not to my mind excessive considering all the circumstances of the case but the sentence of nine months was imposed upon a subsidiary charge to the main one and for

A that reason I ordered it to run concurrently with the sentence of three years which was imposed on the main charge and not consecutively as ordered by the learned District Judge.

[25] Dalam kes *Ooi Sim Yim v. PP* [1990] 1 CLJ 435; [1990] 1 CLJ (Rep) 223, perayu telah dituduh dan disabit dengan kesalahan di bawah s. 8 Akta B Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua memiliki 47 peluru yang merupakan kesalahan di bawah s. 33 Akta Senjata 1960. Perayu telah dijatuhkan hukuman sepuluh tahun penjara dan enam rotan bagi kesalahan pertama dan tiga tahun penjara bagi kesalahan kedua. Pesuruhjaya Kehakiman dalam kes tersebut telah C memerintahkan supaya hukuman pemenjaraan itu dijalankan secara berasingan dan dikebelakangkan kepada tarikh tangkapan. Mahkamah Agung menyatakan seperti berikut berkenaan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Pesuruhjaya Kehakiman:

However, since both charges had arose out of one and the same D transaction, it was not unreasonable to conclude that the second charge was really subsidiary to the first charge. Thus, on the authorities relied upon by learned Judicial Commissioner himself, it was appropriate that the two sentences should run **concurrently rather than consecutively**. In our view, the gravity of the two offences was sufficiently reflected by the 10 year imprisonment term and 6 strokes of whipping imposed in the E principal charge against a first offender who had pleaded guilty.

(penekanan ditambah)

[26] Seterusnya, Mahkamah Rayuan dalam kes *Bachik Abdul Rahman v. PP* [2004] 2 CLJ 572 telah memberikan garis panduan berkenaan dengan prinsip yang perlu diambil kira dalam menentukan hukuman serentak atau F berturutan. Penelitian kepada kes tersebut menunjukkan tuduhan-tuduhan yang dikenakan kepada perayu dan hukumannya adalah seperti yang terdapat di perenggan [2] penghakiman tersebut seperti berikut:

[2] The accused pleaded guilty. On 14 January 2003, the sessions court imposed a sentence of 18 years' imprisonment and 12 strokes of the rotan. G The sentence was ordered to take effect consecutively to another term of imprisonment of 16 years that the accused was then serving. It was also for an offence of rape which was committed on 14 October 2001. It must be observed that that offence was committed subsequent to the offence in the present charge though it was disposed off earlier on 19 September 2002. The sessions court refused an application by the accused to order H the sentence imposed in this case to run concurrently with the earlier sentence. The accused appealed to the High Court against that order. Having rejected this part of the appeal, the High Court proceeded to reduce the term of imprisonment to 15 years on the ground that the sessions court had failed to consider the guilty plea of the accused. The accused appealed to this court for an order that both jail terms be made I concurrent.

[27] Apa yang penting diketahui dalam fakta kes *Bachik Abdul Rahman* (*supra*) tersebut ialah kesalahan yang dilakukan bagi kes tersebut adalah selepas kesalahan pertama dilakukan. Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut berkenaan dengan pertimbangan sama ada hukuman serentak atau berturutan:

> [7] The combined effect of s. 282 and s. 292 is that unless the court imposing a sentence says anything to the contrary, the sentence runs from the date on which it was passed (see *Ooi Sim Yim v. Public Prosecutor* [1990] 1 MLJ 88). The exercise of the discretion to determine the date of commencement of the sentence of imprisonment is dependent on the facts and circumstances of each case. In deciding whether the terms of imprisonment should be consecutive or commence at another date, the court will be guided by the one transaction rule and the totality principle. Pursuant to the one transaction rule where two or more offences are committed in the course of a single transaction, all sentences in respect of these offences should be concurrent rather than consecutive (see *R v. Saleem* (1964) Crim LR 482; *R v. Walsh* (1965) Crim LR 248). For there to be one transaction four elements must be present, that is to say, proximity of time, proximity of place, continuity of action and continuity of purpose or design (see *Jayaraman & Ors v. Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 88; *Amrita Lal Hazra v. Emperor* 42 Cal 957; *Chin Choy v. Public Prosecutor* [1955] 1 MLJ 236). The rule, however, is not absolute. As Yong Pung How CJ said in *Kanagasuntharam v. Public Prosecutor* [1992] 1 SLR 81 at p 83:
>
> > The English courts have recognized that there are situations where consecutive sentences are necessary to discourage the type of criminal conduct being punished: see *R v. Faulkner* (1972) 56 Cr App R 594, *R v. Wheatley* (1983) 5 Cr App R (S) 417 and *R v. Skinner* (1986) 8 Cr App R (S) 166. The applicability of the exception is said to depend on the facts of the case and the circumstances of the offence. It is stated in broad and general terms and although it may be criticized as vague, it is necessarily in such terms in order that the sentencer may impose an appropriate sentence in each particular case upon each particular offender at the particular time the case is heard.

[28] Penelitian kepada kes-kes yang berkaitan dengan hukuman serentak dan berturutan adalah didapati bahawa fakta sesuatu kes perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya sebelum memutuskan hukuman serentak atau berturutan. Pada masa yang sama mahkamah juga perlu melihat jenis kesalahan yang dilakukan, bagaimana ia dilakukan (*Shafruddin Selengka v. PP & Other Appeals* [1994] 4 CLJ 762; [1994] 3 MLJ 750), dan kesan hukuman kepada tertuduh sama ada ia akan memberikan kesan yang menjejaskan masa depan atau kehidupan tertuduh sekiranya hukuman yang diberikan secara berturutan itu akan mengambil masa yang panjang sehingga setelah tertuduh dibebaskan, tertuduh tidak lagi dapat menikmati kehidupan sebagai individu yang bebas disebabkan ketika itu tertuduh sudah berusia lanjut dan tidak berkemampuan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

[29] Dalam kes ini, perayu berumur 48 tahun ketika kejadian seperti yang dinyatakan dalam hujahan perayu. Keseluruhan hukuman untuk kedua-dua kes adalah berjumlah 11 tahun. Ini bermakna semasa perayu dibebaskan dia telah berumur 59 tahun. Peguam perayu menyatakan pada usia tersebut adalah sukar untuk perayu meneruskan kehidupan dalam usia lanjut sebegitu.

[30] Dalam hal ini, mahkamah bicara perlu menimbangkan sama ada tempoh masa pemenjaraan yang akan berakhir dengan pembebasan perayu pada usia 59 tahun adalah faktor yang perlu diambil kira di dalam penentuan hukuman serentak atau berturutan. Ini adalah sejajar dengan apa yang dinyatakan dalam kes *Bachik Abdul Rahman* (*supra*) berkenaan dengan kesan yang akan memusnahkan (crushing effect). Pada masa yang sama tempoh pemenjaraan bukanlah faktor penentu kepada sama ada suatu hukuman tersebut akan memusnahkan tertuduh sebaliknya mahkamah perlu menimbangkan keadaan kesalahan tersebut. Ini turut dinyatakan dalam kes *Bachik Abdul Rahman* (*supra*) seperti berikut:

> [11] Young CJ said in that case that the question of whether the sentence imposed is crushing cannot be answered mathematically by reference to the offender's age and the length of sentence to be served but by the circumstances of the case.

[31] Pada masa yang sama, mahkamah juga perlu menimbangkan bahawa adakah dengan memberikan hukuman berturutan ia akan menyebabkan hukuman pemenjaraan tersebut adalah sesuatu yang tidak adil kepada perayu dan munasabah. Apakah ketika berusia 59 tahun ia akan menyebabkan hukuman tersebut telah memusnahkan kehidupan perayu. Mahkamah juga perlu menimbangkan di antara kesan kepada perayu dengan kepentingan awam semasa menjatuhkan hukuman dalam kes ini. Mahkamah ini merujuk kepada kes *Tuan Mat Tuan Lonik v. PP* [2009] 4 CLJ 638; [2009] 4 MLJ 81 apabila Mahkamah Rayuan telah mempamerkan apakah yang dimaksudkan dengan hukuman yang mempunyai hubung kait dengan usia tertuduh ketika dibebaskan seperti berikut:

> [24] An appellate court will not be overly ready to interfere with any sentence imposed by the trial court unless there are very good reasons to do so. For purposes of this case, suffice if we merely peruse the sentences meted down, subsequently to be affirmed by the High Court, from the point of view of logic. It is statistically accepted that the average life span of a Malaysian man is 70 years whilst that of a Malaysian woman 75 years. In time the average life span will increase. That being so, with the appellant now 48 years old, on average he has 22 years of good life left. To impose a sentence that will take him until the age of 123 years old, and knowing fully well that he never will serve the full term, not only is bizarre but strains the intelligence of the court. Any illogical sentence may attract unnecessary scrutiny and negative comments from the public on how we awkwardly conduct ourselves.

> [25] With the sentences of the first and second charges to run consecutively, thus factually reducing the length of time of incarceration to 30 years, and with deductions thrown in for good behavior, by the time he is released he will be about 70 years of age *ie*, the average life of a Malaysian man. Even if he lives to smell freedom at that age the likelihood of him besetting and causing trauma to anyone is slim. Our orders not only has taken public interest into account but also made the sentence sensible and fair.

[32] Oleh itu, dalam kes ini, usia perayu apabila dibebaskan kelak daripada pemenjaraan tidak sewajarnya menjadi pertimbangan untuk Hakim Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman pemenjaraan serentak. Ia juga tidak menghalang untuk Hakim Mahkamah Sesyen mempertimbangkan hukuman berturutan. Usia perayu semasa dibebaskan kelak tidak dapat menunjukkan bahawa ia akan memusnahkan kehidupan perayu sekiranya dibandingkan dengan kepentingan awam yang perlu dilindungi oleh mahkamah semasa mengadili kes jenayah.

[33] Oleh yang demikian, semasa mempertimbangkan sama ada sesuatu hukuman itu secara berturutan atau serentak, pada hemat mahkamah ini, perkara-perkara berikut perlu diberikan perhatian:

(i) hukuman secara umumnya bagi kesalahan yang melebihi daripada satu pertuduhan adalah wajar diberikan hukuman serentak kecuali terdapat alasan yang baik untuk memberikan hukuman berturutan, *Hyder v. Rex* (*supra*);

(ii) adakah kesalahan tersebut dilakukan pada masa, tempat yang sama atau transaksi yang sama, *Bachik Abdul Rahman* (*supra*);

(iii) adakah terdapat hubungan kesalahan yang dipertuduhkan tersebut iaitu suatu pertuduhan adalah merupakan subsidiari kepada pertuduhan yang lain. Sebagai contoh, seseorang yang dituduh mencuri di bawah s. 379 Kanun Keseksaan pada masa yang sama, telah dituduh menyimpan barang curi yang berkenaan pada tarikh yang berbeza. Dalam contoh di atas, mahkamah boleh mempertimbangkan hukuman serentak disebabkan pertuduhan kedua tersebut adalah subsidiari kepada pertuduhan pertama;

(iv) adakah hukuman yang diberikan secara berturutan itu akan memberi kesan kemusnahan kepada tertuduh disebabkan hukuman pemenjaraan yang terlalu panjang;

(v) adakah hukuman tersebut bercanggah dengan prinsip hukuman keseluruhan (totality principle). Prinsip ini bermaksud adakah keseluruhan hukuman yang dikenakan secara berturutan tersebut adalah berlebih-lebihan. Sekiranya hukuman adalah berlebih-lebihan, maka ia perlu diberikan hukuman serentak;

(vi) adakah kesalahan-kesalahan yang dipertuduhkan kepada tertuduh tergolong dalam kesalahan serius yang menjejaskan kepentingan awam sekiranya hukuman serentak dilaksanakan. Hal ini dapat dilihat dijelaskan di dalam kes *R v. Faulkner* (1972) 56 Cr App R (S) 166. Di dalam kes tersebut, mahkamah telah menjatuhkan hukuman kepada beberapa kesalahan yang mana terdapat juga hukuman yang diperintah untuk berjalan berturutan yang menyebabkan keseluruhan jumlah hukuman adalah sebanyak enam tahun. Kesalahan-kesalahan tersebut ialah berkaitan dengan konspirasi melakukan curi di mana dinyatakan hukuman-hukuman tersebut seperti berikut oleh Lord Justice Karminski:

> In May of last year at the Central Criminal Court this appellant was convicted of offences as follows: conspiracy to commit theft, for which he received two years' imprisonment; having a firearm with intent, three years' imprisonment; using a firearm with intent, three years' imprisonment; no firearm certificate, twelve months' imprisonment; having articles for theft, twelve months' imprisonment; assault occasioning actual bodily harm, three years' imprisonment; and finally assault on a police constable, two years' imprisonment. Those were all ordered to be concurrent except for the two periods of three years which were consecutive, thus making a total sentence of six years.

Seterusnya, mahkamah menyatakan seperti berikut berkenaan dengan hukuman berturutan:

> First of all as regards the sentences being consecutive, it should be recognised now that where an offender carries a firearm, with intent, when pursuing his criminal intention, he can expect and will receive a sentence of imprisonment consecutive to that which would otherwise be imposed upon him and this will be attributed to the use of the firearm. It is very important that this matter of sentencing practice should be appreciated at a time when every possible course must be taken by the courts to persuade people not to carry firearms. Therefore in this case where the second sentence of three years was made consecutive and was one relating to the carrying of a firearm, this Court would wish to stress that that was a perfectly proper approach to the problem, and one which should be followed. However, at the end of the day, as one always must, one looks at the totality and asks whether it was too much.

(vii) adakah berdasarkan kepada keadaan kes yang terlibat adalah adil dan munasabah untuk hukuman serentak atau berturutan diberikan oleh mahkamah.

[34] Senarai di atas bukannya suatu yang tuntas tetapi ia adalah perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh hakim bicara sebelum mempertimbangkan hukuman berturutan atau serentak. Jika ini dilakukan ia

akan dapat memberi gambaran bahawa mahkamah telah mengambil kira kepentingan tertuduh dan kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman serentak atau berturutan. Ini akan memastikan keadilan di dalam sistem perundangan jenayah dapat ditegakkan. Di dalam kes ini, mahkamah berpendapat perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan [33] (a) hingga (g) telah dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh Hakim Mahkamah Sesyen sebelum memutuskan hukuman dijalankan secara berasingan atau berturutan.

[35] Di samping itu, mahkamah bicara juga perlu tidak terlepas pandang peruntukan di bawah s. 102 Akta Mahkamah Rendah 1948 yang memperuntukkan secara khusus berkenaan dengan hukuman pemenjaraan serentak atau berturutan bagi dua perbicaraan berbeza. Seksyen 102 Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> 102 Sentence in case of conviction for several offences at one trial
>
> When a person is convicted at one trial of any two or more distinct offences a Magistrates' Court may sentence him for those offences to the several punishments prescribed therefor which the court is competent to inflict, the punishments when consisting of imprisonment to commence the one after the expiration of the other in such order as the court may direct, or to run concurrently if the court shall so direct, but it shall not be necessary for the court, by reason only of the aggregate punishment for the several offences being in excess of the punishment which it is competent to inflict on conviction of one single offence, to send the offender for trial before a higher court:
>
> Provided that:
>
> (a) in no case shall the person be sentenced to periods of imprisonment amounting in the aggregate to more than twenty years;
>
> (b) the aggregate punishment shall not exceed twice the amount of punishment which the court in the exercise of its ordinary jurisdiction is competent to inflict; and
>
> (c) when imprisonment is directed in default of payment of a fine or of costs or compensation ordered under the authority of any law for the time being in force, the imprisonment shall be consecutive to any other term or terms of imprisonment so directed and to any sentence of imprisonment otherwise imposed.

[36] Pemakaian s. 102 Akta Mahkamah Rendah 1948 ini dijelaskan dengan menarik oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Sa Jamil Md Yusof v. PP* [2002] 7 CLJ 132 seperti berikut:

> From the wording of s. 102 the power conferred on the magistrate to order a consecutive sentence must be predicated by a conviction at one trial for two or more distinct offences. Thus a magistrate is not empowered to order sentences in two separate trials to run consecutively of one another.

A In this connection it is appropriate to address the submission by the prosecution that since the sentence in Kes Tangkap No. 83-248-2000 was not the subject matter of the appeal herein the court cannot make any pronouncement over it. Though it is true that the sentence in No. 83-248-2000 was not subject of any appeal nevertheless there is uncontroverted evidence in the appeal record that the learned magistrate in meting out
B the sentences in the other three offences expressly specified that it was to run consecutively with it, which sentence clearly takes it out of the ambit of s. 102 and is a manifest error on the face of the record where the dictates of justice warrants this court to put right.

In view of the clear wording of s. 102 it becomes abundantly clear that
C the learned magistrate was in error as he had no power to make an order to the effect that the three sentences in the instant appeal run consecutively to that of the term of imprisonment ordered in the first proceeding in Kes Tangkap No. 83-248-2000. In a situation here where there are two separate proceedings s. 102 has no application for the magistrate to order a consecutive sentence.

D

Coming to the second issue under s. 102 of the Subordinate Courts Act 1948, a magistrate has the power to order terms of imprisonment to run consecutively where two or more offences are tried together in one trial. However it is clear that this power is only exercisable upon a finding at the first instance that the offences for which the accused is tried are
E distinct from one another. The crucial words under s. 102 are "convicted at one trial of any two or more distinct offences".

[37] Kefahaman pemakaian s. 102 Akta Mahkamah Rendah 1948 adalah penting untuk mengelakkan kekeliruan yang berlaku di dalam hukuman serentak dan berturutan bagi kes-kes yang tidak termasuk di bawah s. 102
F Akta tersebut. Ini adalah disebabkan bagi maksud s. 102 Akta Mahkamah Rendah 1948 kesalahan lebih daripada satu tersebut hendaklah dibicarakan di mahkamah pada masa yang sama. Di samping itu, kesalahan-kesalahan tersebut juga adalah kesalahan yang berasingan di antara satu sama lain. Perkara ini telah dijelaskan dengan terang dan nyata dalam kes *Sa Jamil Md*
G *Yusof* (*supra*) tersebut.

[38] Berkenaan dengan dalam keadaan bagaimanakah s. 102 itu terpakai dan apakah yang dimaksudkan dengan kesalahan yang berbeza juga dinyatakan dalam kes *Leken Gerik (M) v. PP* [2007] 8 CLJ 158; [2007] 3 MLJ 730 seperti berikut:

H In my view, as a general rule for offences to be distinct and separate, it must not be inextricably interwoven with the victim as well as to the elements of the offence. Support for my view can be garnered from various cases, discussed below:

(a) In *Sheikh Hassan bin Sheikh Ibrahim v. Public Prosecutor* [1940] MLJ 69,
I the appellant was charged with criminal breach of trust in respect of $23 paid to him on 23 separate occasions within the space of a year. The second charge alleged that with intent to defraud he committed

falsifications of accounts by wilfully omitting to enter the twenty-three payments in his cash book, and later a third charge was added in. The appellant was convicted on the first charge and acquitted on the other two. The court, *inter alia*, stated that the criminal breach of trust charged was one offence though made up of twenty-three items and that when the falsifications charged were confined to those items, the criminal breach of trust and the falsification were so closely inter-related that the twenty-three falsifications became a single offence like the twenty-three breaches of trust which formed a single offence and that the falsifications were related to the criminal breach of trust items by community of purpose and they stood to one another in the relationship of cause and effect.

(b) In *Peter Tham Wing Fai v. Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 424, the appellant pleaded guilty to 36 charges of forging documents. He was sentenced to four years' imprisonment on each of the 36 charges, to run concurrently except sentences on two of the charges to be served consecutively. Effectively, the appellant has to serve a total of eight years' imprisonment. The appellant contended that the offences were all part of a single transaction and were not distinct offences for the purpose of sentencing. The appellant also appealed against the sentences imposed. The court, *inter alia*, stated that "distinct" means not identical. The court asserted that the offences which were not inter-related would be distinct, but inter-related offences could also be distinct; it would depend upon the circumstances whether there was only one transaction and one offence committed. Further, the court stated that a series of offences of the same or a similar character could also be distinct, as could offences committed in the same transaction.

(c) In *Banwarilal v. Union of India* 1963 AIR 1621 the Indian Supreme Court at p. 1621 in defining distinct offence stated as follows:

> 'Distinct' means 'not identical'. It stresses characteristics that distinguish while the word 'separate' would stress the 'two things not being the same'. Two offences would be distinct if they be not in any way inter-related. If there be some inter-relation, there would be no distinctness and it would depend on the circumstances of the case in which the offences were committed whether there be separate charges for those offences or not.

Pertimbangan Fakta Kes

[39] Dalam kes ini adalah didapati bahawa kesalahan yang dilakukan adalah pada 31 Januari 2024 yang dituduh di bawah s. 395 Kanun Keseksaan. Ia telah dinyatakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dilakukan pada tarikh yang sama dengan kesalahan yang dilakukan di bawah s. 392

Kanun Keseksaan melibatkan mangsa-mangsa yang berlainan. Hakim Mahkamah Sesyen telah berpendapat bahawa walaupun ia melibatkan tarikh yang sama tetapi berkaitan dengan mangsa-mangsa yang berbeza, maka hukuman pemenjaraan telah diperintahkan secara berasingan. Persoalannya ialah adakah perintah Hakim Mahkamah Sesyen adalah wajar atau perlu diganggu oleh mahkamah.

[40] Penelitian kepada nota keterangan mencatatkan bahawa pada hari mahkamah menjatuhkan hukuman bagi kes di bawah s. 395 Kanun Keseksaan terdapat juga pertuduhan di bawah s. 392 Kanun Keseksaan yang dibacakan bersama-sama kepada perayu dan perayu mengaku salah. Pada masa yang sama, mahkamah juga meneliti kepada fakta kes yang dikemukakan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan dengan bagaimana kejadian itu berlaku yang diakui oleh tertuduh seperti berikut:

> Pada 31/01/2024 jam lebih kurang 1.19 tengah hari, semasa pengadu berada di perkarangan hadapan rumah alamat No. 4, Jalan Bendera 12, Taman Bukit Bendera, Mentakab, Pahang, tiba-tiba didatangi 1/L/Cina tidak dikenali lalu menghampiri dan mengambil beg tangan milik pengadu dari tempat duduk pemandu motokar milik pengadu jenis Honda Civic No. Pendaftaran CBP9066. Menyedari kejadian, pengadu bertindak cuba merampas beg tangannya daripada lelaki cina berkenaan dan berlaku bergelutan sebelum lelaki cina berkenaan berjaya melarikan diri dengan sebuah motokar jenis Perodua Myvi Warna Putih yang mana terdapat seorang lagi individu di sebelah tempat duduk penumpang hadapan. Pengadu tampil membuat aduan polis sebagaimana Mentakab Repot: 619/24.

[41] Hakim Mahkamah Sesyen telah mempertimbangkan fakta di atas dan berpendapat bahawa hukuman yang wajar dikenakan ialah hukuman penjara berturutan. Dalam hal ini, mahkamah merujuk kepada kes *PP lwn. Lau Chin Huat* [2011] 4 CLJ 554 yang menegaskan bahawa hakim bicara wajar mempertimbangkan fakta bagaimana kesalahan dilakukan dalam mempertimbangkan hukuman. Ini dinyatakan oleh mahkamah seperti berikut:

> [18] Sekiranya kedua-dua hukuman tersebut berjalan berasingan, ini bermakna tertuduh akan menjalani hukuman secara keseluruhan selama 12 tahun penjara. Setelah ditolak remission, beliau perlu berada di dalam penjara selama lapan tahun. Hukuman berasingan secara keseluruhan 12 tahun dalam kes ini tidak melanggar prinsip 'totality' seperti diputuskan oleh YA Hakim Augustine Paul HMR dan YA Hakim Low Hop Bing dalam kes *Shari Mohd Shariff* (*supra*) diatas. Hukuman 12 tahun tersebut untuk dua kesalahan merompak adalah lebih rendah daripada hukuman maksima bagi satu kesalahan merompak di bawah s. 392/397 Kanun Keseksaan. Dengan melihat kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh dalam kes ini dimana dalam tempoh masa tidak sampai tiga minggu telah melakukan dua kes rompakan bersenjata keatas mangsa yang sama tidak harus dipandang ringan. *Dua kesalahan tersebut adalah*

serius dan jika tidak ditangkap selepas melakukan kesalahan kedua, tidak ada jaminan tertuduh tidak akan mengulangi lagi kesalahan yang sama ke atas mangsa yang sama atau keatas mangsa yang lain. Hukuman 12 tahun dan setelah remission akan menjadi lapan tahun tidak akan membawa 'crushing effect' kepada tertuduh dalam kes ini.

(penekanan ditambah)

[42] Peguam perayu berhujah bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah gagal mempertimbangkan bahawa ini adalah kesalahan pertama perayu. Penelitian kepada nota keterangan menunjukkan bahawa Timbalan Pendakwa Raya semasa memohon pemberatan hukuman ada menyatakan seperti berikut:

OKT ini juga mempunyai rekod lampau berkait jenayah rompak. Walau bagaimanapun, tidak dapat kemukakan RJ2B kepada Mahkamah pada hari ini.

[43] Penelitian kepada rekod rayuan tidak ditemui sebarang rekod kesalahan lalu perayu dikemukakan di hadapan Mahkamah Sesyen. Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa tatacara mengemukakan rekod kesalahan lalu telah dinyatakan di bawah s. 400 KTJ. Ia telah ditegaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *PP v. Azfaiz Jamil* [2022] 9 CLJ 57 seperti berikut:

[30] It is not disputed that s. 400 of the CPC provides for mode of proving past convictions records and prove by an extract certified under the hand of the officer having the custody of the records of the court. It is also our view that past convictions records may also be proved by extract of particulars of the register under RCUPA. Although the register is kept by the Registrar of Criminal under RCUPA, it does not mean that prove of past convictions cannot be proved by the officer having the custody of the records of the court under s. 400 of the CPC.

[31] Section 400 of CPC recognises mode of prove past convictions by an extract certified under the hand of the officer having the custody of the records of the court. As long as the officer or keeper of the records of the court can prove past convictions records of the respondent by extract certified records kept by her and the court is satisfied that the records are the court's records, such evidence is sufficient. The words in s. 400 of the CPC "which that conviction or acquittal was had to be a copy of the sentence or order" must necessarily mean orders from the competent court or warrant of committment or acquittal. Since s. 400 of the CPC is a mode of proving past convictions records, it does not exclude the officer having the custody of the records of the court to produce a copy of the sentence or order. In the presence context it must necessarily refers to SP2, the Registrar who has the custody of the copy of sentence or order.

[44] Ketiadaan rekod kesalahan lalu seperti yang diperuntukkan di bawah s. 400 KTJ tersebut menyebabkan mahkamah ini bersetuju dengan peguam perayu bahawa tiada kesalahan lalu dibuktikan di mahkamah telah dilakukan

A oleh perayu. Namun begitu, dalam alasan penghakiman, tiada pula didapati bahawa kewujudan atau ketiadaan rekod kesalahan lalu tersebut telah mempengaruhi pertimbangan Hakim Mahkamah Sesyen dalam menjatuhkan hukuman terhadap perayu. Dalam erti kata lain ia tidak menjejaskan keesahan hukuman yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

B **[45]** Dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa kesalahan yang dilakukan oleh perayu adalah melibatkan keselamatan orang awam yang sepatutnya dapat menikmati kehidupan tanpa dibimbangi akan dicerobohi harta mereka melalui tindakan jenayah seperti yang dilakukan oleh perayu. Hakim Mahkamah Sesyen telah memberikan pertimbangan yang sewajarnya
C berkenaan dengan kepentingan awam bagi memastikan keselamatan orang awam terjamin di sisi undang-undang. Ia dapat dilakukan dengan hukuman yang sewajarnya diberikan kepada individu yang mengganggu kesejahteraan orang ramai dan ini telah dilakukan dengan sewajarnya oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam kes ini. Oleh yang demikian, setelah
D menimbangkan alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen serta hujahan-hujahan perayu dan responden, mahkamah berpendapat tiada alasan untuk mahkamah ini mengganggu dapatan Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan dengan hukuman yang telah dijatuhkan terhadap perayu. Oleh itu, rayuan perayu adalah ditolak.

E **Kesimpulan**

[46] Sesungguhnya penentuan hukuman yang setimpal bagi suatu kesalahan jenayah oleh mahkamah adalah satu tanggungjawab yang besar. Mahkamah perlu menimbangkan faktor-faktor peringanan, pemberatan, kepentingan awam, prinsip penghukuman bagi memastikan hukuman yang dijatuhkan
F kepada pesalah adalah setimpal dan mengikut jalur undang-undang.

G

H

I